

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)57

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN**

57. Isu terowong dasar laut kini sedang dalam siasatan SPRM.

- (a) Nyatakan sebab mengapa Kerajaan Negeri tidak lagi mempertahankan pelaksanaan projek ini sebaliknya mencadangkan pembinaan 3rd Link (Jambatan Ketiga).

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

57. Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) merupakan salah satu komponen projek di bawah Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri. Projek ini dilaksanakan oleh syarikat konsortium yang dilantik, iaitu Construction Zenith Consortium Sdn. Bhd. (CZC) pada tahun 2013 menerusi kaedah tender terbuka.

Dokumen *Request For Proposal* (RFP) pada tahun 2011 bagi proses panggilan tender Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong memperincikan keperluan penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan bagi pelaksanaan sebuah terowong dasar

laut. Sehingga kini, tiada perubahan terhadap ketetapan ini oleh pihak Kerajaan Negeri.

Setakat ini, tiada keputusan oleh Kerajaan Negeri untuk mencadangkan rekabentuk jambatan sebagai Link Ketiga di Pulau Pinang. Sebarang bentuk keputusan berkaitan pelaksanaan rekabentuk dan pembinaan Link Ketiga akan tertakluk kepada hasil laporan kajian kebolehlaksanaan yang sedang dimuktamadkan oleh syarikat CZC.